

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

ABM WILAYAH SELATAN & CIDB TECHNOLOGIES LATIH LEBIH 71,770 PEKERJA MAHIR BINAAN

JOHOR BAHRU, JOHOR (5 Disember 2022) - Akademi Binaan Malaysia (ABM) bersama CIDB Technologies Sdn Bhd (CIDB Tech) di bawah kelolaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) hari ini meraikan kejayaan seramai 140 orang graduan ABM Wilayah Selatan dan CIDB Tech dengan penyampaian Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) CIDB pada Majlis Graduasi ABM & CIDB Tech, sekaligus mengiktiraf para pelatih ini sebagai tenaga pekerja mahir.

Graduan-graduan yang diraikan ini telah berjaya memperolehi SKKP CIDB melalui latihan dan penilaian yang diambil berdasarkan 12 Tred dalam Latihan Kompetensi Kemahiran Pembinaan yang meliputi kluster bidang Bangunan, Pemasangan Perancah / Jentera Berat, Pendawaian Elektrik dan Kimpalan. Majlis diadakan di Dewan Besar CIDB Negeri Johor, Kompleks CIDB Negeri Johor.

Timbalan Ketua Eksekutif 1 CIDB Malaysia, Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani berkata, setelah dua tahun mengharungi pandemik COVID19 yang menyekat kehadiran fizikal di dalam acara-acara rasmi, pada hari ini CIDB menerusi ABM mengadakan semula Majlis Graduasi bagi mengiktiraf pencapaian para pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan kemahiran dalam pelbagai bidang berkaitan industri pembinaan.

Sehingga 31 Oktober 2022, lebih dari **71,770** pekerja mahir binaan berjaya dilatih oleh ABM Wilayah Selatan dan CIDB Tech sejak penubuhan dan mula beroperasi pada tahun 1997 dan 2018. Jumlah tersebut merangkumi graduan di bawah Program Belia dan Personel Binaan.

Bersempena Majlis Graduasi ini, Timbalan Ketua Eksekutif 1 CIDB Malaysia, Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani telah berkesempatan untuk menyampaikan Anugerah Pelatih Cemerlang kepada 12 orang graduan dari tred-tred yang berlainan.

Seorang alumni ABM Wilayah Selatan, Wan Mohd Faddy Bin Wan Mohd Zaid, 25 tahun turut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ikon TVET Pembinaan. Dia kini bekerja dalam bidang *oil dan gas* sebagai *Supervisor Insulation*. Dalam usia yang muda, dia mempunyai pendapatan yang tinggi dengan berbekalkan sijil SKKP CIDB pada awal kerjayanya.

Dalam majlis itu juga, lima (5) organisasi dan syarikat menerima Sijil Penghargaan atas kerjasama mereka dalam usahasama menawarkan tajaan latihan kemahiran pembinaan yang berkualiti serta penempatan pekerjaan berimpak tinggi kepada masyarakat tempatan dan komuniti industri. Mereka adalah Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI), Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC), Yayasan Bandaraya Johor Bahru (YBJB), Kopeja Oil & Gas Sdn. Bhd. (KOPEJA), dan Persatuan Kontaktor Melayu Malaysia Negeri Johor (PKMM).

Majlis Graduasi ABM Wilayah Selatan dan CIDB Tech ini dirasmikan oleh **Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani** Timbalan Ketua Eksekutif I CIDB Malaysia, Turut hadir pada majlis tersebut, **Sr. Mohd Zaid Bin Zakaria** (Timbalan Ketua Eksekutif II, CIDB Malaysia), **Encik Annis Othman** (Pengarah CIDB Negeri Johor), **Encik Supian Musa** (Ketua Eksekutif, CIDB Holdings), **Encik Zaidi**, (Ketua Pegawai Operasi ABM Wilayah Selatan) dan **Encik Mohamad Darus Bin Taib** (Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Technologies Sdn Bhd).

ABM dan CIDB Technologies adalah Pusat Latihan dan Penilaian di bawah kendalian CIDB Malaysia yang memberi peluang kepada golongan Belia dan Personel Binaan bagi mendalami kemahiran dalam industri binaan. Kampus-kampus ABM dan CIDB Tech beroperasi di kawasan koridor ekonomi seluruh Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.cidb.gov.my / www.akademibinaan.com.my / www.cidbtech.com.my

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
